

30 SEP 1998

ICFTU-REFORMASI/I

TRADE UNION GESA REFORMASI DALAM INSTITUSI KEWANGAN

PETALING JAYA, 30 Sept (Bernama) -- Persekutuan Kesatuan Pekerja Bebas Antarabangsa (International Confederation of Free Trade Union - ICFTU) telah menggesa diadakan reformasi struktur dalam institusi-institusi kewangan bagi memastikan pembangunan ekonomi dibuat sejajar dengan kemajuan sosial.

Sambil menyifatkan program Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) sebagai terlalu ketat syarat-syaratnya, Setiausaha Agung ICFTU Bill Jordan berkata syarat-syarat tersebut harus digantikan dengan langkah-langkah untuk merangsang pelaburan, pengwujudan pekerjaan dan latihan, pembangunan pendidikan, dan program-program keselamatan sosial lain, antaranya.

Beliau berkata demikian dalam satu sidang media di sini hari ini selepas Seminar Rangkaian Buruh Asia pasifik yang dianjurkan oleh Kogres Kesatuan Pekerja Malaysia (MTUC) dalam persiapan mesyuarat Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik yang akan diadakan di sini November depan.

Beliau berkata krisis kewangan dan ekonomi Asia telah menyebabkan peningkatan kemiskinan dan seterusnya menghakis kemajuan yang dicapai dalam beberapa dekad pembangunan ekonomi.

Menurutnya, program-program IMF telah menambah kepada kemelesetan dan menyumbang kepada pengangguran menerusi peningkatan kadar faedah dan langkah-langkah lain.

Ia menyeru supaya mesyuarat pemimpin-pemimpin Apec di Kuala Lumpur menerima pakai langkah-langkah tertentu untuk menghapuskan buruh kanak-kanak.

Jordan, yang telah menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata kesatuan telah menyampaikan perkara itu kepada perdana menteri untuk dibentangkan di mesyuarat Apec nanti.

Katanya, perdana menteri memberi reaksi yang positif.

ICFTU mempunyai 125 juta anggota yang diwakili menerusi 206 pertubuhan-pertubuhan gabungan di 141 negara.

-- BERNAMA

ZMY JR MA